

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap Pusat Kualiti Alam di Sendayan, dengan mengambil kira pembangunan di sekitar kawasannya. Apakah benar sisa toksid/ sisa yang merbahaya daripada Sungai Kim Kim, Johor dan Lynas, Pahang akan dilupuskan di Kualiti Alam ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman, Kualiti Alam Sdn. Bhd hanyalah bertanggungjawab dalam menguruskan bahan buangan berjadual sahaja. Sehingga kini, Kualiti Alam Sdn.Bhd masih beroperasi seperti biasa dan mematuhi semua peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. JAS sentiasa melaksanakan pemantauan secara bulanan ke atas pematuhan syarat-syarat pelesenan.

2. Semua sisa bahan kimia dari Sungai Kim Kim, Johor telah diuruskan oleh 5E Resources Sdn.Bhd dan dirawat di Kualiti Alam Sdn. Bhd. Manakala sisa terjadual dari Lynas Sdn. Bhd akan dirawat di tapak pelupusan selamat di dalam premis Lynas.

Sekian, terima kasih.